From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Sunday, 17 April, 2022 12:48:13 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SoL Dan JKSNK Capai Kesepakatan Jalin Kerjasama

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

17 APRIL 2022 / 15 RAMADAN 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Unit Penyelidikan Shariah dan Undang-Undang Perniagaan Islam (SHURA)

SoL DAN JKSNK CAPAI KESEPAKATAN JALIN KERJASAMA



UUM ONLINE: Alor Setar – Universiti Utara Malaysia (UUM) menerusi Pusat Pengajian Undang-Undang (SoL) dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah (JKSNK) mencapai kesepakatan untuk menjalinkan kerjasama demi manfaat bersama.

Hasrat tersebut dicapai selepas lawatan muhibah dan perbincangan diketuai Dekan SoL, Prof. Madya Dr. Yusramizza Md Isa @ Yusoff terhadap Ketua Hakim Syarie Kedah, Dato' Syeikh Abd Rahman Abdullah di pejabat beliau, baru-baru ini.

Yusramizza berkata, perbincangan yang diadakan itu memfokus kepada jalinan kerjasama berkaitan latihan dan kursus pensijilan untuk pegawai syariah dan Hakim Mahkamah Syariah di Kedah melalui Unit Penyelidikan Shariah dan Undang-Undang Perniagaan Islam (SHURA), salah sebuah unit penyelidikan di bawah SoL.

Menurutnya, tawaran latihan dan kursus tersebut adalah selaras dengan hasrat Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah untuk mengadakan program kerjasama antara universiti dan industri.

Sementara itu, Syeikh Abd Rahman berkata, beliau amat berbesar hati menerima kehadiran delegasi UUM dan menyambut baik hasrat kerjasama yang boleh diperkemaskan dengan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara JKSNK dan UUM.

Beliau juga berharap agar kerjasama ini tidak hanya melibatkan kursus dan latihan, malahan turut melibatkan penerbitan buku dan dokumen di mahkamah syariah.

Hadir sama, Ketua Pendaftar JKSNK, Syeikh Amiruddin Putera Zainol Abidin; Penyelaras Unit Latihan JKSNK, Norlida Zakaria; Ketua SHURA, SoL; Dr. Muhammad Hafiz Badarulzaman dan ahli-ahli penyelidik SHURA.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.